

Newspaper	Berita Harian
Date	8/10/2012

# Formula bawa negara maju sejak merdeka

BH-8/10/2012

» *'Malaysian Way' diteruskan untuk capai status negara maju 2020*

Oleh Abdul Razak Raaff dan Nik Syukri Ramli  
bhnews@bharian.com.my

► Kuantan

**'M**alaysian Way' yang memupuk perpaduan dalam kepelbagaian kaum adalah formula paling berkesan membawa negara ini maju sejak merdeka, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) juga akan meneruskan formula berkenaan untuk mencapai status negara maju pada 2020.

## Kesepakatan pemimpin

"Malaysian Way berbeza dengan negara lain kerana formula ini sudah dibuktikan selepas mencapai kesepakatan pemimpin pelbagai kaum sebelum ini.

"Justeru, ini juga bagi meneruskan kesinambungan pembangunan dan kemajuan, terutama mencapai transformasi ke arah negara maju ma-

ka kita perlu lakukan dengan cara kita sendiri.

"Oleh demikian, tidak perlu dasar asimilasi...tidak perlu tukar identiti atau jati diri kerana kita percaya dapat memupuk perpaduan dan intergrasi nasional dan dasar terbuka yang diamalkan sejak dulu lagi," katanya.

Majlis makan malam Perdana Menteri berkata de-

“*Malaysian Way berbeza dengan negara lain kerana formula ini sudah dibuktikan selepas mencapai kesepakatan pemimpin pelbagai kaum sebelum ini. Justeru, ini juga bagi meneruskan kesinambungan pembangunan dan kemajuan, terutama mencapai transformasi ke arah negara maju*”

Najib Razak,  
Perdana Menteri

mikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena Ulang tahun Ke-27 dan angkat sumpah Ahli Jawatankuasa Persatuan Cina Pahang, di Bukit Gambang Resort City, dekat sini, malam tadi.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Timbalan Presiden MCA yang juga Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan Presiden Gabungan Persatuan Cina Malaysia merangkap Pengerusi Persatuan Gabungan Cina Pahang, Tan Sri Pheng Yin Huah.

Lebih 3,000 ahli persatuan hadir majlis makan malam berkenaan.

## Nilai sumbangan

Selain itu, Perdana Menteri juga mengingatkan lebih 100,000 ahli persatuan gabungan di seluruh negara supaya menilai sumbangan seorang pemimpin ketika dia berkuasa.

Katanya, tiada guna rakyat mempercayai atau terpengaruh dengan pemimpin sedemikian kerana itu adalah hanya janji kosong.

"Kita perlu menilai apa pemimpin buat dan laksana sepanjang dia berkuasa untuk rakyat dan negara, termasuk masyarakat Cina.

"Buat apa kita dengar dan ikut cakap mereka yang tidak ada kuasa yang tahu tabur janji manis tetapi tidak mampu melakukannya," katanya.